

24 NOV 2001

LEAD Misuari-Tahan

NUR MISUARI DITAHAN DI PULAU PERAIRAN SABAH

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari, yang dikehendaki di Filipina kerana mengisytiharkan perang terhadap kerajaan negara itu, ditahan oleh polis Malaysia bersama enam pengikut di Pulau Jampiras, di perairan Sabah awal pagi tadi.

Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai memberitahu persidangan media di Bukit Aman hari ini bahawa Misuari dan pengikutnya ditahan pukul 3.30 pagi kerana memasuki negara ini secara haram.

Pulau Jampiras terletak paling hampir dengan sempadan perairan Filipina-Malaysia, kira-kira 30 minit perjalanan dengan bot dari Sandakan.

Norian berkata Misuari dan pengikutnya dipercayai memasuki perairan negara ini secara haram melalui Pulau Jolo di selatan Filipina.

Bagaimanapun, Norian tidak menyatakan di mana kumpulan itu ditahan sekarang.

"Kita akan memaklumkan kepada Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur secepat mungkin kerana mengambil kira bahawa mereka dikehendaki oleh kerajaan negara itu," kata Norian.

Beliau berkata polis akan berusaha untuk menyerahkan Misuari kepada kerajaan Filipina secepat mungkin.

"Kalau kedutaan Filipina boleh membuat pengurusan mengenai mereka, kita akan menyerahkan kepada pihak kedutaan di sini untuk membawa beliau dan lain-lain pulang ke negara mereka," katanya.

Beliau berkata tiada senjata ditemui atau dirampas semasa mereka ditangkap dan Nur Misuari dan pengikutnya akan diserahkan kepada polis Filipina secepat mungkin.

Norian berkata polis menganggap kehadiran Misuari mempunyai kesan yang boleh menimbulkan ancaman ke atas keselamatan negara kerana dari berita yang diterima, satu pemberontakan atau huru-hara yang berlaku di selatan Filipina sudah wujud dan Nur Misuari adalah orang dikehendaki di negaranya, kata beliau.

"Kita mempunyai asas untuk menaruh kebimbangan tentang ancaman keselamatan ini kerana daripada berita yang diterima wujud kerjasama antara kumpulan Misuari dan kumpulan Abu Sayyaf," katanya.

Beliau berkata kedudukan kumpulan Abu Sayyaf sudah jelas, yang terlibat dengan keganasan seperti menculik rakyat negara ini beberapa bulan yang lalu.

Norian berkata polis telah menambah bilangan anggota untuk berkawal di kawasan pulau berkenaan dan pada masa yang sama pasukan tentera turut menambah kekuatan ke pulau itu.

Misuari dan pengikut yang mengelak tangkapan tentera Filipina, dipercayai memasuki Malaysia sebagai usaha mendapatkan suaka politik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya pemberita pagi ini berkata bahawa Malaysia tidak bersedia untuk memberi perlindungan politik kepada Misuari.

Perdana Menteri berkata pertelagahan Misuari dengan kerajaan Filipina adalah perkara dalaman negara itu dan Malaysia tidak harus campur tangan dengan memberi perlindungan kepada penentang dari negara lain.

Misuari, yang memimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) dalam perjuangan menentang kerajaan negara itu pada tahun 1970-an, mengisytiharkan perang terhadap Manila minggu lepas kerana Presiden Gloria Macapagal Arroyo menyokong kumpulan yang menentang MNLF.

-- BERNAMA

NJ MFJ FAZ